

Kalai mahir bertutur tiga bahasa

■ SALWANI MO ZAIN

SHAHALAM - Membesar bersama rakan-rakan dan kenalan berlainan asal-usul merupakan pengalaman yang cukup mengujakan. Setiap kali bersama, sudah tentu banyak perkara-perkara baharu dipelajari.

"Saya cuba fahami pantang-larang orang Melayu, berkongsi pendapat, dan saling hormat-menghormati dapat diterapkan ke dalam diri saya," demikian jelas Kalai Selvan Ramalingam, 24, pemuda berbangsa India, dari Johor Bahru.

Menurutnya, amalan-amalan seperti berpuasa di bulan Ramadan, berbuka beramai-ramai bersama rakan-rakan sebilik, pengalaman indah yang sentiasa segar dalam ingatan.

"Waktu di kampus, saya dikelilingi rakan-rakan Muslim, tidak menjadi masalah ketika Ramadan dan sambutan Syawal, jika rajin, kami masak untuk berbuka, jika tidak, beli saja di bazar," katanya yang mampu berpuasa penuh sepanjang Ramadan.

Selain itu, menurut Kalai, dia turut menjalani kehidupan sebagai murid di sekolah kebangsaan sejak kecil. Ketika di tadika, dia belajar di tadika Cina. Kemudian, menyambung pelajaran ke sekolah rendah dan menengah di sekolah kebangsaan. Satu kelebihan apabila Kalai mampu bertutur secara baik dalam bahasa Tamil, Melayu, Inggeris dan memahami asas bahasa Cina.

"11 tahun berada di sekolah kebangsaan banyak mendedahkan saya dengan budaya bangsa lain. Sehingga ke hari ini, setiap kali tiba Tahun Baharu Cina, saya akan ikut kawan Cina dan menetap bersama mereka di Melaka.

"Biasanya, kami akan buat aktiviti makan besar bersama yee sang. Saya sangat rapat dengan keluarga Nicholas. Dari mereka saya belajar kata-kata asas bahasa Cina. Untuk Aidilfitri pula, situasi sedikit berbeza. Saya suka dengan tradisi rumah terbuka yang diamalkan rakan-rakan Melayu," katanya.

Katanya, perpaduan di Malaysia sangat utuh, bagi sesetengah masyarakat mungkin mereka dapat merasakan perpaduan agak kurang dalam kalangan masyarakat, tetapi dirinya percaya dalam hati setiap rakyat Malaysia mempunyai soft spot



Kalai (kiri) peramah dan mudah bergaul dengan rakan-rakan berlainan bangsa.

untuk menerima rakan-rakan yang berbilang bangsa dan itulah antara kekuatan kita untuk terus bersama mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Saya juga pernah menyertai acara sambutan Hari Malaysia di Bintulu pada 2011, menjadi wakil Jabatan Penerangan Malaysia untuk memberi pandangan mengenai merdeka, membantu rakyat di Kelantan dan Pahang semasa misi bantuan banjir 2014 dan banyak lagi

berkaitan perpaduan. Sesungguhnya perpaduan bukan dipupuk pada satu detik, tetapi ia bermula sejak kecil lagi," katanya.

Perayaan erat perpaduan

Anak kepada pasangan Ramalingam Marie dan Mahaletchumy Subramaniam ini aktif di kampus dan luar kampus. Dia penuntut Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran dan

Pekerjaan, dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menurutnya, pada 2014, dia mewakili Yayasan Sukarelawan Siswa bersama 29 rakan lain dari pelbagai institut pengajian ke Ho Chi Minh, Vietnam.

"Kami menyertai Misi Sukarelawan Siswa Vietnam selama sebulan ketika bulan Ramadan. Kami juga menyambut Hari Raya Aidilfitri di sana. Ia merupakan pengalaman paling manis untuk saya.

"Setiap hari kami berusaha untuk mendapatkan makanan halal, menyajikan makanan tersebut kepada rakan-rakan Vietnam, melakukan kerja-kerja sukarelawan yang agak berat, terlibat dengan aktiviti persembahan budaya dan penghujungnya menikmati hari raya," katanya.

Bagi dirinya, setiap kali tiba musim perayaan, setiap kali itulah peluang untuk mempelajari budaya masing-masing.

"Apabila tibanya Thaipusam, Cap Goh Mei, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Haji seluruh masyarakat Malaysia dapat merasai kehangatan

tersebut. Saya masih ingat ketika zaman persekolahan, apabila bermula tahun baru, saya akan belek kalendar mencari cuti-cuti untuk setiap perayaan.

"Cuti-cuti ini bukan sahaja peluang untuk kita rehat, malah mengeratkan hubungan silaturahmi bersama rakan-rakan bangsa lain," katanya.

Bagi mengekalkan lagi perpaduan di negara kita, Kalai mencadangkan kerajaan perlu memainkan lebih peranan.

"Masih ramai rakyat Malaysia kita yang tinggal tanpa keperluan asas seperti air dan elektrik. Kerajaan sentiasa menunaikan kewajipan mereka namun saya percaya sebagai golongan muda dan bakal penggerak negara, golongan belia berbilang bangsa perlu menyertai misi bantuan menolong golongan susah khususnya ketika musim perayaan.

"Usaha ini perlu dilaksanakan supaya apa yang dilihat dan dipelajari dapat disemat dalam di hati. Ia bukan sahaja dapat membantu masyarakat kita sendiri malah dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat berbilang kaum," katanya.



Kalai (kiri) menggayakan pakaian mengikut budaya dan resam kaum masing-masing.

Kalai (depan, tengah) sentiasa membantu mereka memerlukan menjadi sukarelawan.

Kalai (tengah, dua kiri) bersama rakan meriakan Aidilfitri di Vietnam.